

Penting maklumkan pada ahli keluarga

KETUA Jabatan Rekreasi dan Eco Pelancongan Fakulti Perhutarian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Manohar Mariapan, pula memberikan beberapa langkah sepatutnya dilakukan sebelum beraktiviti rekreasi di hutan.

Menurutnya, kumpulan peserta perlu mencari jurupandu dan mendapat kebenaran daripada pemilik atau pihak berkuasa sebelum ke lokasi berkenaan.

"Biasanya orang yang tahu tentang lokasi itu akan pandu dan beritahu apa-apa syarat mesti diikuti seperti apa perlu dibawa dan sebagainya.

"Bila ada jurupandu khas, kebiasaannya, mereka juga akan maklumkan kepada pihak polis sebelum aktiviti hendak dijalankan. Paling penting, ahli kelab perlu maklumkan kepada keluarga atau saudara-mara mereka sebelum masuk ke hutan dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, aktiviti tanpa pengetahuan keluarga boleh menimbulkan kesulitan, biarpun



MANOHAR

sudah dimaklumkan kepada pihak polis sebelumnya, kerana sekiranya berlaku kejadian seperti sesat di dalam hutan, tiada saudara-mara yang tahu.

Beliau mengingatkan ia penting, supaya mereka yang meredah hutan itu, tidak 'hilang selamanya'.

"Akhir sekali penting juga, bawa bekal seperti baju hujan, lampu suluh dan kotak peti kecemasan sebagai persediaan sebarang kemungkinan.

"Jangan terlalu yakin dengan telefon pintar kita, konon apa-apa berlaku, melaluiinya senang hendak minta tolong. Banyak kejadian menunjukkan kita tidak boleh terlalu bergantung harap dengan telefon pintar," kata Manohar yang mempunyai kepakaran dalam bidang Interpretasi Persekutaran ini.

Menurutnya, aktiviti rekreasi seperti di hutan secara berkumpulan maksimum adalah 20 orang bagi seorang jurupandu, namun bergantung keadaan laluan trek, sama ada terlalu curam, berpaya dan sebagainya.

